

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH)

A. MyBSH

1. **S: Apakah fungsi MyBSH?**

J: MyBSH adalah digunakan bagi pemohon yang telah mempunyai rekod permohonan BSH 2020 untuk tujuan:

- i. Kemas Kini Permohonan; atau
- ii. Semakan Status Permohonan; atau
- iii. Cetakan permohonan; atau
- iv. Cetakan salinan surat makluman lulus (bagi permohonan tiada maklumat akaun bank); atau
- v. Peti Mel; atau
- vi. Maklum Balas

2. **S: Saya telah memasukkan Nombor MyKad pada MyBSH, tetapi paparan adalah “Tiada Rekod. Sila buat permohonan / kemas kini permohonan BSH 2020”, apakah yang perlu saya buat?**

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana permohonan anda:

- i. Belum membuat Permohonan Baharu BSH 2020; atau
- ii. Permohonan Baharu BSH 2020 yang dikemukakan kepada Cawangan LHDNM tetapi belum diambil tindakan oleh LHDNM
Anda perlu membuat Permohonan Baharu BSH 2020 sekiranya masih belum kemukakan Borang BSH 2020

B. Pendaftaran MyBSH

3. **S: Bagaimana cara untuk log masuk MyBSH?**

J: Untuk log masuk kali pertama MyBSH, anda perlu **mendaftar MyBSH** terlebih dahulu seperti berikut:

- i. Klik Menu MyBSH
- ii. Masukkan Nombor MyKad (12 Digit)
- iii. Maklumat Keselamatan

Anda perlu menjawab **2 Soalan Keselamatan** yang dipaparkan dengan tepat dan betul

- a) Soalan Keselamatan adalah berdasarkan Permohonan BSH sebelum ini
 - b) Sekiranya jawapan yang dimasukkan adalah salah, anda diberi 3 peluang untuk menjawab dengan jawapan yang betul
 - c) Jika akaun telah disekat kerana salah menjawab soalan Rujuk **Panduan Pengguna Daftar MyBSH**
- iv. Pendaftaran MyBSH (setelah berjaya menjawab 2 soalan keselamatan)
- a) Masukkan **Kata Kunci Keselamatan** yang mudah untuk diingati
 - Format Kata Kunci Keselamatan adalah hanya huruf dan nombor sahaja. Aksara Khas / Simbol tidak dibenarkan
 - Kata Kunci Keselamatan yang didaftarkan adalah sebagai pengesahan setiap kali anda Log Masuk MyBSH
 - b) Jawab 5 Soalan yang disediakan
 - Anda boleh membuat pilihan soalan yang disediakan
 - Jawapan yang didaftarkan akan digunakan untuk pengesahan apabila anda terlupa Kata Laluan
 - c) Pengesahan soalan dan jawapan yang telah dipilih akan dipaparkan dan semak. Sekiranya betul, klik butang Teruskan
 - d) Daftar Kata Laluan dan Pengesahan Kata Laluan serta Klik butang Daftar
 - Kata Laluan yang didaftarkan mesti mempunyai 8 aksara, mempunyai huruf besar, huruf kecil, nombor dan simbol
 - Kata Laluan yang daftarkan perlulah mudah dan senang diingati
 - Kata Laluan yang didaftarkan perlu dimasukkan setiap kali anda Log Masuk MyBSH
 - e) Paparan Mesej “**Akaun Telah Berjaya didaftarkan. Sila Ke Halaman Log Masuk untuk ke Menu MyBSH**”. Anda boleh Log Masuk MyBSH

4. **S: Saya telah berjaya membuat pendaftaran MyBSH. Apa tindakan selanjutnya yang saya perlu buat?**

J: Sekiranya anda telah berjaya membuat pendaftaran MyBSH, anda telah boleh membuat capaian Menu MyBSH bagi tujuan seperti Jawapan bagi Soalan 1.

5. **S: Bagaimana cara untuk log masuk MyBSSH setelah saya berjaya membuat pendaftaran MyBSSH?**

J: Sekiranya anda telah berjaya membuat pendaftaran MyBSSH, Log Masuk MyBSSH adalah seperti berikut:

- i. Klik MyBSSH
- ii. Masukkan Nombor MyKad (12 Digit)
- iii. Klik Butang Semak
- iv. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan yang telah didaftarkan
- v. Masukkan Kata Laluan yang telah didaftarkan
- vi. Klik Log Masuk

C. Lain-lain

6. **S: Semasa membuat pendaftaran MyBSSH, saya telah tersilap menjawab soalan keselamatan dan paparan mesej “Anda telah gagal menjawab Soalan Keselamatan lebih dari 3 kali. Akaun anda telah disekat. Sila ke Cawangan LHDNM berdekatan untuk tindakan lanjut”. Apakah yang perlu saya lakukan?**

J: Sekiranya akaun BSH anda telah disekat, anda boleh menghubungi talian Hotline BSH 1-800-88-2747 atau hadir ke LHDNM untuk set semula akaun BSH. Selepas akaun BSH telah diset semula, anda perlu mendaftar semula MyBSSH dan menjawab soalan keselamatan yang dipaparkan dengan tepat.

7. **S: Saya telah berjaya daftar MyBSSH, tetapi saya terlupa Kata Laluan semasa Log Masuk MyBSSH. Apa tindakan yang perlu saya lakukan?**

J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Anda boleh klik pada pautan **Terlupa Kata Laluan** dan tindakan adalah seperti berikut:
 - a) Masukkan Nombor MyKad (12 Digit)
 - b) Klik Butang Semak
 - c) Jawab 3 Soalan Keselamatan yang telah didaftarkan dengan betul
 - d) Masukkan Kata Laluan dan Pengesahan Kata Laluan Baru
 - e) Klik Butang Tukar Kata Laluan; atau
- ii. Hadir ke LHDNM; atau
- iii. Hubungi talian Hotline BSH 1-800-88-2747